

Misi mengengerang, pesakit tertiarap

FOTO | Mohd Jamah Nasri

>>Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad

mriduwan@hmetro.com.my

MELAKA: “Sebaik menghampiri ambulans, jururawat wanita itu mengengerang kesakitan dan meminta tolong lalu saya mengangkutnya dengan berhati-hati ke tepi jalan,” kata anggota penyelamat pantai sambil Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Tan Bun Han, 40, saksi kejadian kemalangan memabitkan ambulans dan taksi, di Jalan Tun Abdul Razak menghala ke Plaza Tol Ayer Keroh, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 malam, ambulans yang dinaiki lima orang termasuk pesakit wanita warga emas yang kritikal akibat pendarahan kepala, terbalik di tengah jalan sejurus dirempuh taksi dari arah Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Kejadian di persimpangan Seri Negeri-MITC, itu menyebabkan pesakit, Mariam Baba, 73, yang disambar di rumahnya di Bukit Rambai, kira-kira sembilan jam sebelum itu dan dalam perjalanan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) cedera parah dan kini menerima rawatan intensif di Hospital Melaka (HM).

Sementara itu, jururawat, Yuhanis Yasin, 30, juga dirawat di HM, manakala doktor lelaki berusia 25 tahun terpaksa dirujuk ke HKL akibat kecederaan parah dialami.

Dua lagi mangsa, pembantu perawatan dan pemandu ambulans, Mambang Rudy Hartono, masing-masing berusia 56 dan 41 tahun, hanya cedera ringan, manakala pemandu taksi dike-



TERBALIK...ambulans terbalik selepas dilanggar taksi.



BAWA KELUAR... pesakit warga emas kritikal dibawa keluar dari ambulans.

TERBARING...doktor terbaring di tepi jalan selepas keluar dari ambulans.

nali, Ali Muhammad Don tidak cedera.

Menurut Tan, dia berada di belakang ambulans dan mendakwa melihat kenderaan itu dilanggar taksi berkenaan di bahagian belakang menyebabkan hilangnya kawalan dan terbalik.

“Saya berhenti di persimpangan apabila lampu isyarat bertukar merah dan memberi laluan kepada ambulans meneruskan perjalanan.

“Tiba-tiba muncul taksi dari arah MITC melanggar sebelah kiri di bahagian belakang ambulans menyebabkan ia terhuyung-hayang sebelum terbalik ke sebelah kanan.

“Saya terus memandu ke arah ambulans untuk memberi bantuan,” katanya.

Tan berkata, dia kemudian didatangi seorang lelaki mengatakan ibunya yang sakit berada di dalam ambulans dan menolongnya dengan dibantu pemandu dan atendan ambulans.

“Kami membuka pintu belakang ambulans dan terdampak pesakit sedang tertiarap, manakala doktor lelaki yang cedera di kepala berusaha keluar sendiri melalui cermin hadapan yang pecah sebelum baring di bahu jalan.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Azmi Hashim ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian memabitkan kakitangan HM dan pesakit terbabit.

Ketua Turus Trafik dan Kenteraman Awam Melaka Tengah, Asisten Superintendan V Gunasegaran berkata, siasatan awal pihaknya mendapati ambulans dari HM sedang membawa pesakit menuju ke HKL memberi siren dan terus bergerak ketika menghampiri persimpangan lampu isyarat Seri Negeri-MITC.

Menurutnya siasatan lanjut masih dilakukan bagi mengetahui punca sebenar kemalangan dan kes disiasat mengikut Seksyen 43 (1) (a) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Katanya orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi cawangan Trafik IPD Melaka Tengah di talian 06-283 4139.